



**KENYATAAN MEDIA  
TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MENTERI PERTAHANAN**

**11 JULAI 2021**

**MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) DAN PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melalui Jawatankuasa Teknikal COVID-19 dalam sidang media baru-baru ini telah mengeluarkan analisis dapatan data terkini perkembangan kes COVID-19 di seluruh dunia. Di Afrika, kadar peningkatan kes jangkitan COVID-19 telah meningkat kepada 16.7%. Manakala di kawasan timur Mediterranean pula mencatatkan 16.4%.

Analisis negara-negara di Eropah juga telah merekodkan sebanyak 33% kadar peningkatan jangkitan dan 8.6% di bahagian Asia Tenggara.

Terdapat beberapa faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan ini antaranya ialah penemuan varian-varian baharu yang mempunyai impak lebih serius ke atas individu serta menular dengan lebih cepat berbanding jangkitan biasa.

Sementara itu, kemajuan kadar vaksinasi harian di Malaysia hari ini telah pun melepasi kadar purata per kapita vaksinasi dunia, malah vaksinasi harian juga kebelakangan ini mencatat sejumlah 250,000 dos suntikan sehari secara konsisten dan disasarkan 300,000 dos suntikan sehari mulai bulan ini.

Ini memberi gambaran bahawa kita sedang berada di landasan yang tepat dalam usaha mencapai imuniti kelompok (herd immunity) dalam masa terdekat dan seterusnya dapat kembali kepada kehidupan normal seperti sedia kala.

Oleh itu, terus tingkatkan kawalan sendiri atau 'self lockdown' dengan duduk di rumah dan keluar jika terdapat keperluan serta patuhi SOP yang ditetapkan bagi mengurangkan kadar kebolehjangkitan dalam komuniti.

### **SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan**

Seperti yang diumumkan sebelum ini, Kerajaan telah mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Semalam, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 83,068 pemeriksaan dan *snap check* COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 19,661 orang.

Ia termasuk pemeriksaan ke atas 1,915 kilang, 18,278 premis perniagaan, 574 tapak pembinaan dan 192 asrama penempatan pekerja.

Daripada jumlah itu, 63 premis meliputi kilang, premis perniagaan dan tapak pembinaan diarahkan tutup kerana gagal mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan.

## Pelaksanaan PKPD

<b>BIL</b>	<b>Lokaliti PKPD</b>	<b>Tarikh Mula PKPD</b>	<b>Tarikh Tamat PKPD</b>
1.	Kampung Gong Jering, Mukim Bukit Jawa, Pasir Puteh, Kelantan	13 Julai 2021	26 Julai 2021
2.	2 Lokaliti di Beaufort, Sabah: <ul style="list-style-type: none"><li>• Kampung Jempangah</li><li>• Kampung Rancangan Klias</li></ul>	13 Julai 2021	26 Julai 2021
3.	Kampung Tebongan, Putatan, Sabah	13 Julai 2021	26 Julai 2021
4.	3 lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah: <ul style="list-style-type: none"><li>• Jalan Pasir, Likas</li><li>• Kampung Kuala Menggatal</li><li>• Kuarters Tangki Air Biru, Telipok</li></ul>	13 Julai 2021	26 Julai 2021
5.	Borneo Timber, Tongod, Sabah	13 Julai 2021	26 Julai 2021

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)

## Pelanjutan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Penjara Kepyayan, Kota Kinabalu, Sabah	11 Julai 2021	Dilanjutkan bermula 12 Julai – 25 Julai 2021
2.	Kampung Nahaba, Kota Belud, Sabah	12 Julai 2021	Dilanjutkan bermula 13 Julai – 26 Julai 2021

## Penamatan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	2 lokaliti di Petaling, Selangor: <ul style="list-style-type: none"><li>Pangsapuri Westlite- PKNS Petaling Jaya,</li><li>Apartment Mentari Court, PJS 8, Bandar Sunway, Petaling Jaya</li></ul>	1 Julai 2021  1 Julai 2021	Ditamatkan pada 12 Julai 2021 lebih awal daripada yang dijadualkan.
2.	Kampung Penimbawan, Tuaran, Sabah	15 Jun 2021	Ditamatkan pada 12 Julai 2021.
3.	Kampung Linau, Kota Belud, Sabah	29 Jun 2021	Ditamatkan pada 12 Julai 2021.
4.	Tiga lokaliti di Mukah, Sarawak: <ul style="list-style-type: none"><li>Kuarters Pekerja Ladang Mukah 1, Sarawak Plantation Agriculture</li></ul>	30 Jun 2021	Ditamatkan pada 12 Julai 2021 lebih awal daripada yang dijadualkan.

	<p>Development Sdn Bhd (SPAD)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuarters Pekerja Balingian Power Generation, Jalan Sibul</li> <li>• Rumah Panjang Malang Anak Bada, Sungai Bayan</li> </ul>	<p>23 Jun 2021</p> <p>4 Julai 2021</p>	
<b>5.</b>	Tringkap, Cameron Highland, Pahang	28 Jun 2021	Ditamatkan pada 11 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
<b>6.</b>	Kilang Sawit Bell (termasuk perumahan kilang), Kinabatangan, Sabah	28 Jun 2021	Ditamatkan pada 11 Julai 2021 seperti yang dijadualkan

## **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 83,068 pemeriksaan semalam.

Operasi Pematuhan ini melibatkan 4,401 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 19,661 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 547 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 533 individu dikompaun manakala 14 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tiada penjarakan fizikal (97)
- Tidak mematuhi arahan kawalan pergerakan (82)
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (67)
- Tidak memakai pelitup muka (56)
- Membawa penumpang berlebihan (44)
- Lain-lain kesalahan (201)

## **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 51 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta merampas tiga (3) buah kenderaan darat.

Op BENTENG melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 950 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR/SJR PKP	- 896 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

## **Operasi Disinfeksi COVID-19**

Semalam, sebanyak 181 operasi disinfeksi dilakukan meliputi 65 zon merah, tiga (3) zon jingga dan lima (5) zon kuning di seluruh negara.

Operasi disinfeksi ini melibatkan 1,050 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 231 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 260 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 31,587 operasi disinfeksi yang merangkumi 157 zon telah dilakukan. Operasi ini melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasar raya dan bangunan kerajaan.

## **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 642 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 246,326 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 80 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 9,579 individu telah dikuarantin dan 233,667 orang dibenarkan pulang manakala 3,080 lagi dibawa ke hospital.

## **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 670 pemantauan harian ke atas 10 jenis bekalan barangan terdiri daripada peringkat peruncit (499), pemborong (140) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,872 Pemeriksaan Khas Pematuhan SOP sepanjang PKP dan daripada jumlah itu, 1,870 premis mematuhi SOP yang ditetapkan manakala dua (2) premis dikompaun kerana tidak patuh SOP.

**Amalkan “lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri.**

**Terima kasih.**

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB  
TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MENTERI PERTAHANAN**